

MENJELANG BELANJAWAN 2019

Harap dapat RM300 juta

■ *Modal pusingan perkasa koperasi*



ABDUL Fattah (tengah) bersama sebahagian pesara guru pada majlis Makan Malam Jasamu Dikenang, Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Pahang, semalam.

Amin Ridzuan Ishak
cnews@nstp.com.my

Pekan

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memohon kerajaan menyediakan modal pusingan berjumlah RM300 juta pada Belanjawan 2019 nanti bagi mengembangkan sektor koperasi ke peringkat antarabangsa.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia adalah tambahan kepada RM100 juta disalurkan kerajaan kepada sektor koperasi setiap tahun pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) menerusi Sुरु-

hanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI).

Menurutnya, pihaknya sudah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya modal pusingan berkenaan disalurkan menerusi ANKASA yang menjadi penyelaras bagi memajukan lapan sektor memperkasakan koperasi di negara.

“Lapan sektor untuk di-majukan melalui koperasi itu adalah kewangan dan perbankan, perladangan, pertanian, pembangunan hartanah, pemborongan, inovasi, pelancongan dan kesihatan serta komuniti.

“Sektor koperasi perlu diperkasakan bagi mencapai sasaran perolehan berjum-

lah RM50 bilion menjelang 2020,” katanya ketika ditemui selepas majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Pahang di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, ANKASA memerlukan modal pusingan RM300 juta itu untuk gerakan koperasi supaya produk keluarannya boleh dipasarkan di peringkat antarabangsa.

“Pada masa sama ia juga bagi menyediakan pelapis koperasi menerusi koperasi sekolah yang setakat ini menunjukkan prestasi baik dan disasarkan mampu mencatat perolehan berjumlah RM450 juta pada tahun ini,” katanya.